

# Patuhi prinsip ESG pastikan projek ECRL cakna pembangunan lestari

- Prinsip ESG diguna pakai menilai impak projek secara holistik dari segi alam sekitar, sosial dan tadbir urus

- Pematuhan terhadap prinsip ESG sangat penting memastikan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) dapat dicapai

- Projek ECRL mengurangkan sehingga 90 peratus penggunaan tanah hutan simpan bagi mengurangkan impak terhadap alam sekitar dan sosial

Oleh Dr Siti Fariha Muhamad  
bhrenacana@bh.com.my



**Prinsip** alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) bukan satu konsep baharu, sebaliknya diamalkan pelabur dalam menilai potensi pelaburan tersebut syarikat.

Seiring dengan kesedaran kepentingan sesebuah entiti perniagaan terhadap komuniti dan persekitaran, masyarakat mengambil cakna bagaimana sesebuah entiti perniagaan bertindak balas terhadap isu berkaitan perubahan iklim dan persekutuan. Ia termasuk etika, tanggungjawab dan impak terhadap komuniti serta peranan lembaga pengaruh atau pengurusan tertinggi menjalankan tadbir urus korporat terhadap

Prinsip ESG ini juga diguna pakai dalam menilai sesuatu impak projek secara holistik dari segi alam sekitar, sosial dan tadbir urus terhadap semua pemegang taruh yang terbabit iaitu pekerja, komuniti, pelanggan, pemegang saham dan alam sekitar.

Terbaru, kerajaan menerusi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) menerapkan agenda ESG dalam pelaburannya yang dilihat sebagai usaha ke arah pematuhan ESG menjelang 2030.

Projek Inisiatif Jalan dan Laluan (BRI) dilihat dapat memperkuatkannya lagi hubungan dagang antara Malaysia dan China. Projek BRI adalah program jangka panjang bertertarik pembangunan infrastruktur untuk menambah baik jaringan perhubungan di antara kawasan di wilayah Asia.

Pembinaan projek mega Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) di Malaysia adalah salah satu daripada projek mega BRI di Malaysia dijangka membawa manfaat besar kepada rakyat khususnya memacu pembangunan ekonomi dan sosial di negeri Pantai Timur Semenanjung.

Projek dijangka siap pada 2026 ini dapat memendekkan masa perjalanan di antara negeri di pantai barat dan pantai timur Semenanjung yang secara langsung meningkatkan tahap kecekapan perkhidmatan logistik di negara ini.

Selaras dengan usaha global ke arah pengamalan ESG, projek ECRL dijangka memberikan impak meluas dalam aspek pembangunan lestari khususnya terhadap penduduk di negeri terbatit.

Kegusaran pelbagai pihak terhadap impak projek ECRL kepada kelestarian alam sekitar dan aktiviti sosial disuarakan secara terbuka dan kerajaan mengambil langkah kritis menanganiannya, terutama impak terhadap alam sekitar dan sosial.

Pematuhan projek ECRL terhadap prinsip ESG ini sangat penting dalam memastikan Matlamat Pembangunan Lestari—Malaysia dalam memastikan pembangunan projek berkaitan BRI dan projek ECRL sejajar dengan prinsip ESG dalam mengurangkan impak negatif terhadap alam sekitar, lebih berdaya tahan terhadap perubahan iklim, meningkatkan tanggungjawab sosial dan seterusnya memastikan ia ditadbir urus serta dilaksanakan dengan baik.

Ini selaras dengan usaha kerajaan dalam memperkuatkannya penerapan prinsip ESG dalam aspek pembangunan ekonomi. Pembangunan projek ECRL tidak

terlepas daripada berdepan beberapa isu berkaitan impak alam sekitar, terutama dari aspek ancaman terhadap ekosistem dan perlindungan biodiversiti.

Justeru, kerajaan mengambil pelbagai langkah meminimumkan impak projek ECRL terhadap alam sekitar. Pengurangan 90 peratus penggunaan tanah hutan simpan daripada pelan asal adalah langkah terbaik mengurangkan impak projek ini terhadap <sup>atau</sup> Sebagai contoh, sebuah projek ECRL mengurangkan keperluan menebang hutan simpan di beberapa kawasan, termasuk di Ulu Gombak dan Serendah, Selangor.

Selain itu, usaha pemeliharaan alam sekitar ini dapat dilahar menerusi pembinaan terowong sebagai alternatif dalam memelihara hutan simpan dan hidupan spesis terancam di Bukit Bauk, Terengganu.

Bagi pembinaan laluan untuk lintasan hidupan liar, tembok juga bakal dibina menerusi kawasan dikenal pasti supaya pembinaan ECRL ini tidak menyebabkan menjerakan hidupan liar. Pelan mitigasi hidupan liar juga dirancang demi mengurangkan konflik antara manusia dan hidupan liar di kawasan terbabit.

Seiring dengan usaha menangani perubahan iklim, pelan mengelakkan banjir juga dirancang. Selain itu, kerajaan juga menggabungkan pembinaan Pintasan Serendah di Selangor dengan Jajaran

Selatan dalam usaha mengurangkan impak projek ECRL terhadap kawasan tadahan air di Selangor.

Rel bermula dibina bagi memastikan zon perlindungan Kawasan Permatang Kuarta Gombak yang dalam proses mendapat pengiktirafan sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO tidak terjejas.

Dari aspek sosial, projek ECRL dijangka memberikan kesan limpahan sosio dan ekonomi besar serta positif terhadap penduduk sekitar stesen di jajarnannya.

Projek ECRL dijangka dapat meningkatkan lagi pembangunan bahan di kawasan sekitar stesen ECRL. Aktiviti komersial di sekitar stesen ECRL dijangka merancakkan lagi pembangunan ekonomi penduduk sekitar dan pembangunan bandar baharu di kawasan jajarnya.

Secara tidak langsung, pusat tumpuan pelancong di kawasan sekitar lebih mudah diakses dan menarik lebih ramai lagi pelancong dari dalam dan luar negara.

Selain itu, projek ECRL ini juga dijangka memberikan peluang pekerjaan kepada golongan belia melalui penawaran peluang pekerjaan berkemahiran tinggi dan penyediaan latihan kemahiran.

Golongan belia mungkin tidak perlu lagi tertumpu di bandar besar untuk mencari peluang pekerjaan. Secara tidak langsung, jurang kesimbangan dan kesaksamaan ekonomi di antara negeri Pantai Timur dan Pantai Barat Semenanjung dapat dikurangkan.

Di samping itu, aktiviti keusahawanan setempat juga dapat dipertingkatkan dengan jaringan sistem pengangkutan lebih berkesan.

Dari segi tadbir urus projek BRI ini, sejak permulaan projek ini, Kerajaan China melancarkan inisiatif pembiayaan hijau atau ‘green financing initiative’ bagi memastikan pembiayaan prasarana alam sekitar mampu.

Pembinaan projek BRI ini membabitkan bank dari China yang menerapkan konsep pembiayaan hijau selaras dengan usaha memperkuatkannya tadbir urus alam sekitar dalam mencapai visi SDG.

Isu berkaitan ESG berkait rapat dengan agenda pertumbuhan hijau seimbang untuk jangka masa panjang, selaras dengan pendekatan kerajaan menerapkan prinsip ESG dalam pembangunan ekonomi mampu Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

**Aktiviti komersial di sekitar stesen ECRL dijangka merancakkan lagi pembangunan ekonomi penduduk sekitar dan pembangunan bandar baharu di kawasan jajarnya ,**

